

08 MAR 1998

Myanmar-Dadah

SPDC DAKWA BERJAYA PERANGI DADAH

Oleh: Syed Jamil Jaafar

YANGON, 8 Mac (Bernama) -- Pihak berkuasa Myanmar, Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC), mendakwa memperolehi kejayaan dalam usaha memerangi gejala dadah apabila mereka memusnahkan lebih daripada 4,500 kg candu dan 900 kg herion yang dirampas.

Bagi memerangi gejala dadah itu, SPDC telah menubuhkan Jawatankuasa Pusat bagi Kawalan Salahguna Dadah (CCDAC) yang telah mengatur berbagai strategi dan langkah-langkah taktikal.

Strategi utama ialah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi penanam-penanam pokok popi supaya tanaman popi sebagai penyara hidup dapat dihapuskan, menurut akhbar berbahasa Inggeris "THE NEW LIGHT OF MYANMAR".

Satu kementerian yang berasingan telah ditubuhkan yang bertanggungjawab membangunkan kawasan-kawasan sempadan supaya menjadi zon-zon yang bebas dari candu dan menurut SPDC, ini telah tercapai di kawasan Mongla di wilayah Shan manakala kemajuan turut dicapai di kawasan-kawasan Kokang dan Wa.

SPDC berkata ia juga sedang bekerjasama dengan Program Kawalan Dadah Bangsa-bangsa Bersatu, pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain, negara-negara jiran, dan berikutan dengan penyertaan Myanmar dalam Asean, dengan negara-negara Asean yang lain.

Pada upacara CCDAC untuk memusnahkan dadah yang dirampas itu pada 27 Feb, iaitu untuk kali ke 12nya, setakat ini, 4,584.292 kg candu, 898.43 kg heroin, 93.95 tepung gula coklat, 11.3kg candu cair, 20.5kg candu gred rendah, 138.87 kg ganja, 1,499.97 liter phensedyl, 2.84 juta tablet amphetamine, 88.19 gelen ubat batuk sirap, 4,845 biji ubat batuk tablet dan beberapa jenis dadah narkotik lain dimusnahkan.

Harga pasaran dadah yang dimusnahkan itu dianggarkan sebanyak AS\$1 bilion.

Termasuk dengan pemusnahan terbaru itu, pihak berkuasa telah membakar 16,500 kg candu, 2,860 kg herion, 118.33 kg minyak candu, 131.19 kg candu cair, 158.52 kg tepung gula coklat dan 4,358 kg ganja.

Memandang Malaysia menghadapi masalah salahguna dadah yang serius, isu dadah dijangka akan dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pengerusi SPDC jeneral kanan Than Shwe dalam perbincangan mereka esok.

Dr Mahathir dijadualkan tiba di sini esok untuk lawatan rasmi dua hari. Beliau akan bertemu dengan Jen Than Shwe untuk perbincangan rasmi pada tengaharinya dan lagi sekali pada jamuan negara di sebelah malam.

Sementara itu, jalan-jalan di Yangon telah dihiasi dengan bendera-bendera Malaysia dan Myanmar serta papan tanda mengucapkan selamat datang kepada pemimpin Malaysia itu.

Malaysia terkenal di kalangan rakyat Myanmar yang melihatnya sebagai negara contoh untuk pembangunan dan Dr Mahathir dianggap sebagai wira dunia ketiga.

Myanmar (dahulunya Burma) satu ketika dahulu ialah peserta utama kejohanan bola sepak Piala Merdeka dan di kalangan penggemar bola sepak berumur di sini, nama-nama seperti Soh Chin Aun, R. Arumugam dan Mokhtar Dahari mengembalikan memori yang menyeronokkan. -- BERNAMA

SJ WAT